

|                  |                                                   |
|------------------|---------------------------------------------------|
| Title            | Lembaga Letrik Tanah Melayu Laporan Tahunan ke 35 |
| Call Number      | TNB HD 9685 .T53 1984                             |
| Accession Number | 24021                                             |
| Barcode          | 000000022740                                      |
| Year             | 1984                                              |
| Author           | Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)               |
| Digitized Date   | 07 March 2016                                     |
| Remarks          |                                                   |

# Laporan Tahunan Ke 35

TAHUN BERAKHIR PADA 31 OGOS 1984



TNB  
HD  
9685  
.T53  
1984

LEMBAGA LETRIK NEGARA  
TANAH MELAYU

24021

IKATAN RESOURCE CENTRE  
TENAGA NASIONAL BERHAD  
JALAN SERDANG  
43009 KAJANG  
SELANGOR DARUL EHSAN



24021

IKATAN RESOURCE CENTRE  
TENAGA NASIONAL BERHAD  
JALAN SERDANG  
43009 KAJANG  
SELANGOR DARUL EHSAN

# Kandungan

- |    |                                        |           |                                                           |
|----|----------------------------------------|-----------|-----------------------------------------------------------|
| 2  | Tugas-tugas dan Dasar Kewangan Lembaga | 24        | Organisasi Lembaga                                        |
| 3  | Lembaga                                | 25        | Bekalan Elektrik Luar Bandar                              |
| 5  | Pengurusan Tertinggi                   | 26        | Jawatankuasa Nasional Malaysia Persidangan Tenaga Sedunia |
| 7  | Kenyataan Pengerusi                    | 27        | Peristiwa-Peristiwa Menarik Untuk Tahun Ini               |
| 9  | Laporan Pengurus Besar                 | 28        | Perancangan Pembangunan 1984 — 1989                       |
| 11 | Perancang Pembangunan                  | 29        | Grid Nasional                                             |
| 15 | Projek – Projek Utama                  |           |                                                           |
| 17 | Kendalian                              | i – xxvii | Kewangan                                                  |
| 21 | Pentadbiran                            |           |                                                           |


|                                                  |       |
|--------------------------------------------------|-------|
| IKATAN RESOURCE CENTRE<br>TENAGA NASIONAL B RHAD |       |
| NO. PANGGILAN:                                   |       |
| TARIKH TERIMA:                                   |       |
| NO. PEROLEHAN:                                   | 24021 |

PERPUSTAKAAN ILSAS LLN

Singkatan huruf yang digunakan dalam Laporan ini.

|     |                      |     |                |          |                                  |
|-----|----------------------|-----|----------------|----------|----------------------------------|
| GWj | : Gigawat jam        | MW  | : Megawat      | LLN      | : Lembaga Letrik Negara          |
| Kwj | : Kilowat jam        | T/A | : Talian atas  | HVDC     | : High Voltage Direct Current    |
| kV  | : Kilovolta          | T/B | : Talian bawah | TK       | : Tahun Kewangan                 |
| kW  | : Kilowat            | GT  | : Tarbin Gas   | Kcal/Jam | : Kilocalories/Jam               |
| MVA | : Megavolta — Ampiar | CC  | : Kitar Padu   | PKDN     | : Pengeluaran Kasar Dalam Negeri |







# Tugas Tugas Dan Dasar Kewangan Lembaga

Lembaga mempunyai tugas-tugas berkanun untuk menggalakkan penjanaan tenaga elektrik dengan tujuan untuk membangunkan ekonomi Semenanjung Malaysia dan untuk menjamin bekalan tenaga itu dengan harga-harga yang berpatutan. Ia juga mempunyai tugas untuk menasihatkan YB Menteri, yang bertanggungjawab mengenai elektrik, atas semua perkara berkaitan dengan penjanaan kuasa dan penggunaannya. Lembaga dikehendaki mengurus dan mengendalikan pemasangan-pemasangan elektrik yang dipindah milik atau diambil atau ditubuhkan oleh Lembaga. Dalam bidang perundangan, Lembaga telah diberi tugas-tugas untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi penjanaan kuasa dan penggunaan tenaga elektrik. Untuk membolehkannya menjalankan tugas-tugas itu, Lembaga mempunyai hak dan kuasa-kuasa yang luas yang membenarkannya membina dan mengendalikan talian-talian bekalan dan stesen-stesen janaelektrik, menjanakuasa dan menjual tenaga elektrik dan memperolehi loji janakuasa dan harta benda, dan untuk memasang atau membuat loji-loji dan pasangan-pasangan elektrik.

Adalah menjadi tugas Lembaga sebagai sebuah pertubuhan yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai, untuk menentukan yang hasilnya, setelah menyelesaikan semua perbelanjaan termasuk susutan dan faedah atas modal, digunakan untuk membiayai sebahagian dari rancangan pembangunan modalnya untuk menghadapi keperluan kuasa elektrik yang kian bertambah di negara ini. Kadar-kadar perkembangan yang tinggi di dalam bidang bekalan elektrik yang menggunakan banyak modal ini memerlukan penggunaan hampir semua baki hasilnya bagi membiayai rancangan pembangunan modal.



# Lembaga



YB Tan Sri Hashim bin Aman  
PMN, PSM, DCSM, DPMK, DSNS, DPMJ  
(Pengerusi)



YB Tan Sri Dato Abu Zarim bin Haji Omar  
PSM, PJK (Hingga 25.1.1984)  
(Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besar)



Encik Mohd. Jalaluddin bin Zainuddin  
(Dari 26.1.1984)  
(Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besar)





Encik Nik Ahmad bin  
Haji Nik Hassan  
JMN, KMN ++  
(Ahli)



YB Dato Chan Keong  
Hon  
DPMS, JSM, AMN, SMS, PJK  
(Ahli)




Encik Megat Abdul  
Rahman bin Megat  
Ahmad  
(Ahli)



Encik N. Sadasivan  
KMN  
(Ahli)



Encik Mohd. Hussaini  
bin Abdul Jamil  
JMN, JSM, PCM +  
(Ahli)



Encik A. Ragunathan  
(Ahli)



YB Encik Md. Noor bin  
Md. Dom  
JP, AMN, PIS, BSI, PPN,  
ADUN  
(Ahli)



Encik Lim Kiam Hoon  
SDK, AMK  
(Ahli)



YB Encik Mohamed bin  
Jamrah  
PPT, AMP, ADUN  
(Ahli)



YBM Engku Bijaya Sura  
Syed Omar bin  
Mohamad  
SMT, AMN, PJK, BLB, ADUN  
(Ahli)



+ + Encik Mokhtar bin  
Yaacob  
(Ahli Pengganti)



+ Encik Helmi bin  
Mohd. Noor  
KMN  
(Ahli Pengganti)



Encik Mahmud Badri  
bin Haji Basir  
(Setiausaha)



# Pengurusan Tertinggi


---



**Encik Mohd. Jalaluddin bin Zainuddin**  
(Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besar)



**Encik Eddie Tan Ghee Soon**  
Timbalan Pengurus Besar  
(Kendalian)



**Encik Ibak bin Abu Hussin**  
Timbalan Pengurus Besar  
(Pentadbiran)





Encik Lee Siaw Phin  
Timbalan Pengurus Besar  
(Projek Utama)



Encik Mansor bin Latiff  
(Ketua Akauntan)



Encik Mahmud Badri  
bin Haji Basir  
(Setiausaha)



Encik Mohd Ariffin bin Abdul Rahman  
Timbalan Pengurus Besar  
(Perancang Pembangunan)



# Kenyataan Pengerusi

---

Bagi pihak Lembaga, saya dengan sukacitanya mengemukakan Laporan Tahunan dan Penyata Akaun Lembaga Letrik Negara, Tanah Melayu bagi tahun yang berakhir pada 31 Ogos 1984.

Bagi tahun yang dikaji ini, Lembaga Letrik Negara telah menunjukkan pencapaian yang agak tinggi dari segi bilangan pengguna yang diberi bekalan, unit tenaga elektrik yang dijual dan hasil bersih yang diperolehi.

Selaras dengan perkembangan ini, kemajuan sedang dicapai di dalam usaha memperluas dan memperkukuhkan kemudahan-kemudahan penjanaan, penghantaran dan pengagihan kuasa oleh Lembaga. Untuk menentukan pengendalian pelaburan modalnya yang begitu besar dengan lincin dan cekap, Lembaga masih meneruskan

*Bandar Kuala Lumpur pada waktu malam.*





rancangan pelajaran dan latihan yang lengkap. Pada keseluruhannya Lembaga telah berjaya mengurus segala aspek pengendaliannya dengan memuaskan.

Dalam menunaikan tugasnya terhadap orang ramai, Lembaga sedar akan tanggungjawabnya mengadakan bekalan elektrik yang cukup dan terjamin untuk pembangunan negara. Untuk mencapai objektif ini, LLN menggembeling tenaganya untuk memperbaiki mutu perkhidmatannya kepada semua pengguna elektrik. Inilah cabaran yang paling mendesak untuk masa depan dan dengan sokongan semua yang berkenaan, saya yakin Lembaga akan dapat mencapai objektifnya dalam pembangunan negara.





# Laporan Pengurus Besar

Lembaga Listrik Negara telah mencapai kadar perkembangan yang menakjubkan di dalam pengendaliannya bagi tahun kewangan 1983/1984. Jumlah hasil bagi tahun yang dikaji ini berjumlah \$2,140.87 juta, iaitu tambahan sebanyak 9.78% daripada tahun yang sebelumnya. Begitu juga kadar perkembangan sebanyak 9.06% dan 8.08% telah dicatatkan masing-masing dalam bilangan unit yang dijual dan pengguna yang dibekalkan oleh Lembaga.

Selaras dengan aliran dalam tahun-tahun yang akhir-akhir ini lebih hasil yang diperolehi oleh Lembaga berjumlah sebanyak \$621.37 juta. Ada tiga faktor utama di sebalik

pencapaian lebih hasil yang begitu besar. Bertambahnya jualan tenaga elektrik ialah di dalam lingkungan 9.06%, selaras dengan kedudukan ekonomi yang agak "baik" yang telah mendatangkan perkembangan Pengeluaran Kasar Dalam Negeri sebanyak 9.6%. Serentak dengan itu juga, harga minyak bahanapi telah turun kepada \$28.00 satu tan secara purata dan juga pengurangan penggunaan minyak bahanapi disebabkan oleh bertambahnya perkongsian unit-unit yang di jana oleh stesen-stesen janaelektrik hidro, terutamanya dengan pelancaran stesen-stesen janaelektrik hidro Bersia dan Kenering.

Keperluan-keperluan modal bagi tahun yang dikaji berjumlah \$1,513.9 juta yang daripadanya bahagian penjanaan yang menggunakan wang tunai dari dalam ialah \$835.7 juta. Dalam hal ini, hampir semua lebih hasil akan digunakan untuk membiayai sebahagian daripada rancangan pembangunan modal masa depan Lembaga.

*Stesen janaelektrik hidro Kenering (120 MW) yang baru siap.*





Tambahan besar kepada keupayaan pen-  
janaan Lembaga dalam tahun ini ialah  
pelancaran stesen janaelektrik hidro Kenering  
dalam bulan Februari 1984 dan unit 90 MW  
yang pertama Tambahan Tarbin Gas Stesen  
Janaelektrik Jambatan Connaught. Jumlah  
keupayaan penjanaan terpasang ialah  
2,822.49 MW dan ini adalah meliputi  
1,560.00 MW (55.27%) loji haba, 806.45 MW  
(28.57%) loji hidro, 196.04 MW (6.95%) loji  
diesel dan 260.00 MW (9.21%) tarbin gas.  
Kehendak maksimum Grid Nasional ialah  
1,916.50 MW. Seperkara yang menarik  
perhatian dalam tahun yang dikaji ini ialah  
ketiadaan sebarang gangguan bekalan yang  
besar kepada sistem kuasa. Langkah-langkah  
tegas telah dan sedang diambil untuk  
menentukan perkhidmatan yang lebih terjamin  
dapat diberikan di masa hadapan.

Untuk menghadapi keperluan yang se-  
makin bertambah bagi tenaga elektrik dalam  
tempoh 10 tahun yang akan datang, Lembaga  
sedang meneruskan rancangan pembangunan  
penjanaan yang dicita-citakannya. Stesen-  
stesen janaelektrik yang besar yang sedang  
dibina termasuklah stesen janaelektrik di Paka  
(900 MW), Stesen Janaelektrik Pelabuhan

Klang Peringkat I dan II (600 MW tiap-tiap satu)  
dan Stesen janaelektrik hidro di Kenyir (400  
MW). Apabila stesen-stesen ini siap kelak, ia  
akan dapat menambah sebanyak 2500 MW  
kepada keupayaan terpasang Lembaga yang  
ada sekarang. Sejajar dengan perkembangan-  
perkembangan ini, Lembaga sedang giat  
menjalankan rancangan yang bertujuan  
hendak meluas dan memperkukuh sistem  
penghantaran dan pengagihannya ke seluruh  
negara. Dengan itu, Lembaga akan lebih  
bersedia untuk menghadapi keperluan-  
keperluan bekalan daripada pengguna-  
penggunanya yang begitu ramai terutamanya  
pengguna-pengguna kuasa besar.

Untuk memenuhi tanggungjawabnya de-  
ngan memuaskan, Lembaga terus  
meningkatkan taraf kemahiran tenaga  
pekerjanya dan menggunakan teknologi  
moden. Tahun ini juga mengalami  
perhubungan perusahaan yang stabil dan  
perhubungan awam yang positif.






# Perancang Pembangunan

Ramalan nilai elektrik yang dijana yang dibuat bagi tahun 1985 ialah 12,737 GWj dalam tahun 1985, 19,157 GWj dalam tahun 1990 dan 44,705 GWj dalam tahun 2000. Angka-angka ini merupakan kadar perkembangan tahunan purata sebanyak 11.5% dari TK 1984 — 1985, 9.0% dari TK 1984 — 1990, dan 8.9% dari TK 1984 — 2000. Angkadar Beban sistem tidak diramal akan banyak berubah dalam tempoh yang diramal itu, dan sistem kehendak puncak yang diramal dijangka bertambah hingga kira-kira 2,194 MW dalam tahun 1985, 3,321 MW dalam tahun 1990 dan 7,851 dalam TK 2000.

Kadar perkembangan 6.9% dalam Pengeluaran Kasar dalam Negeri telah dicatit dalam tahun 1984; iaitu 5.9% lebih baik daripada perkembangan yang dicatit dalam tahun 1983. Bagi tahun 1985 perkembangan PKDN yang dijangka ialah dalam lingkungan 6.7%. Kadar perkembangan seperti ini dijangka berterusan dalam jangka masa yang pendek sehingga ekonomi dunia mula meningkat. Kajian ramalan LLN telah mengambil kira aliran-aliran ini dan hasil-hasil ramalan yang dibuat sekarang ini menjangka perkembangan keperluan elektrik yang lebih rendah daripada yang dijangka dahulu.

Untuk menghadapi keperluan tenaga elektrik yang bertambah, pelancaran rancangan sehingga tahun 1990 yang kini sedang dijalankan melibatkan pemasangan keupayaan penjanaan 2500 MW. Selaras dengan rancangan pembangunan penjanaan, satu rancangan pengeluaian dan perkuatan rangkaian penghantaran 132/275 kV Kita yang ada sekarang sedang dijalankan. Ini akan merentangi seluruh Pantai Barat Semenanjung Malaysia dari utara ke selatan, dan akan meliputi penutupan lingkaran 275 kV yang merentangi negeri-negeri pantai timur, serta juga bahagian-bahagian utara dan tengah Semenanjung. Satu lagi aspek pembangunan penghantaran LLN ialah sambungantara pada kadar 132 kV, dengan keupayaan penghantaran 50 MW sekarang ini, antara Bukit Keteri di Utara dengan Sadar di Negeri Thai akan ditingkatkan hingga 100 MW dalam tahun 1985. Hubungan 22 kV dengan Singapura juga sedang diperkuatkan dengan ikatan 132/230 kV dan keupayaan tetap 200 MW, yang akan dilancarkan dalam tahun 1985.





Perancangan penghantaran jangka panjang yang membawa ke abad yang akan datang meramalkan penubuhan sistem penghantaran voltan yang lebih tinggi, pada 500 kV misalnya, sebagai satu cara hendak memenuhi keperluan beban sistem pada keseluruhannya. Kajian sedang dijalankan mengenai penubuhan hubungan HVDC antara Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.

### **Perkhidmatan Khas**

Projek Pembangunan Seluruh Bangsa yang mengandungi Kompleks Stor Pusat, Lapangan Kenderaan dan Pemasangan, Bangunan Kawalan Kawasan dan Penghantaran dan Woksyop Pusat sudah siap dengan jumlah harga lebih kurang \$23 juta.

### **Malaysia Transformer Manufacturing Sdn. Bhd.**

Dalam tempoh 12 bulan yang berakhir pada 31 Ogos 1984 syarikat ini telah mengeluarkan 1,467 unit alatubah yang hampir keseluruhannya dihantar kepada Lembaga


Letrik Negara. Dalam tempoh ini 1,185 unit perkakasuis pengagihan voltan sederhana telah dihantar kepada Lembaga. Berhubung dengan hal ini, penjualan alatubah pengagihan dan perkakasuis bernilai sejumlah \$25.0 juta berbanding dengan pulangan hasil sebanyak \$21.1 juta untuk tahun 1982/83, iaitu bertambah baik sebanyak 18%.

### **Penyelidikan dan Pembangunan**

Usaha-usaha mengenai penyelidikan dan pembangunan di dalam Lembaga adalah ditumpukan ke arah pembentukan sistem-sistem bagi rancangan mengawal kecekapan loji dengan berkesan; kajian mengenai tenaga



*Projek Pembangunan Bangsa yang baru siap.*



*Kerja pembinaan talian 275 kV.*



pilihan yang boleh dibaharui terutamanya tenaga suria, penjaan-bersama, biogas dll. dan pengenalan teknologi baru dalam semua segi penjaan tenaga elektrik, penghantaran dan pengagihan. Berkaitan dengan hal ini ialah penjimatan tenaga, kawalan pencemaran dan pembentukan mutu teknikal di dalam Lembaga serta meninggikan taraf keselamatan di semua stesen bekerja.

Projek-projek tertentu yang sedang dijalankan termasuklah penggunaan sistem penjodoh berkeupayaan, 'visi-trace' untuk mengesan kerosakan, penjimatan tenaga di bangunan Ibu Pejabat dan rancangan memperbaiki kecekapan di Stesen Janaelektrik Pasir Gudang.

### **Perancangan dan Pembiayaan Kewangan**

Lembaga dijangka akan menanggung perbelanjaan modal purata sebanyak \$1.47 billion setahun dari tahun 1983 hingga tahun 1991. Berdasarkan kepada jumlah ini Lembaga akan memerlukan lebih kurang \$2.03 billion berupa pinjaman-pinjaman tambahan sehingga tahun 1991.

Pinjaman-pinjaman yang diperolehi dan ditandatangani dalam tahun 1983/1984 termasuklah yang berikut:

- (i) Pinjaman Kuasa Kesebelas Bank Dunia AS \$70.0 juta
- (ii) Aseambankers Bhd M\$30.0 juta
- (iii) Mitsubishi Trust and Banking — Private Placement ¥10.0 billion
- (iv) Daichi Kangyo Bank ¥11.2 billion





Dalam tahun ini Lembaga juga membuat peraturan menubuhkan "line of credit" bernilai sejumlah £5.0 juta dengan Export Guarantee Corporation Department of the United Kingdom. Begitu juga satu Pinjaman terus sebanyak AS\$60.0 juta telah diperolehi daripada Bank Pembangunan Asia untuk membiayai kerja-kerja awam bagi Stesen Janaelektrik Hidro Sungai Piah. Lembaga juga telah mendapatkan kredit pembekal bernilai sebanyak ¥2.2 billion daripada C. Itoh/Penta Ocean, Jepun untuk membiayai kos luar negeri Rumah Pam Air Berkeliling Stesen Janaelektrik Pelabuhan Klang (Peringkat II).



Pandangan dari tiga sudut bagi fasa pertama (600 MW) stesen janaelektrik Pelabuhan Kelang.





# Projek-Projek Utama

---

## **Projek-Projek Penjanaan Kuasa Stesen Janaelektrik Kitar Padu Paka (900MW)**

Peringkat pertama projek ini ialah pemasangan tiga blok loji kitar padu. Tiap-tiap satu blok berkadar 300 MW. Satu blok kitar padu mengandungi dua tarbin gas, dua buah dandang perolehan semula panas dan sebuah tarbin stim. Bahanapi utama ialah gas dengan minyak sulingan sebagai bahanapi masa kecemasan.

Kerja mengenai projek ini bermula dalam bulan Oktober 1981. Tarikh pelancaran tarbin gas (100 MW) pertama telah dijadualkan untuk dilakukan dalam bulan Oktober 1984 dan blok kitar padu (300 MW) yang pertama dijangka akan dilancarkan dalam bulan November 1985. Stesen janaelektrik dijangka siap menjelang bulan Mac 1986 dengan anggaran kos sebanyak M\$920 juta.

## **Stesen Janaelektrik Pelabuhan Klang — Peringkat I (600 MW)**

Kemajuan terus dicapai di dalam pembinaan peringkat pertama yang menggunakan minyak/gas sebagai bahan pembakar di mana kerja-kerja awam adalah kira-kira 80 peratus siap. Kerja mengenai kedua-dua buah dandang

masih mengikut jadual dengan unit 300 MW yang pertama dijadualkan siap dalam bulan Ogos 1985 dan unit kedua enam bulan kemudian. Pada keseluruhannya, projek ini hampir 40 peratus siap.

## **Stesen Janaelektrik Pelabuhan Klang — Peringkat II (600 MW)**

Bagi peringkat kedua yang menggunakan tiga jenis bahan pembakar (arang batu/minyak/gas), semua kontrak loji utama termasuk dandang, tarbin dan alat mengendali arang batu telah diberi dalam tahun ini. Aktiviti pembinaan di tapakbina dalam tempoh yang dikaji ini adalah terhad kepada kerja-kerja kejuruteraan awam bagi lapangan menyimpan arang batu dan rumah pam luar pantai. Unit 300 MW yang pertama dijadual akan disegerakan dalam bulan Jun 1988 dan unit kedua dalam bulan Disember 1988.

## **Stesen Janaelektrik Jabatan Connaught: Tambahan Tarbin Gas (2 x 90 MW)**

Bagi tambahan tarbin gas kepada Stesen Janaelektrik Jabatan Connaught, unit pertama telah dikendalikan secara perdagangan dalam bulan Jun 1984 diikuti oleh unit kedua sebulan kemudian. Semua kerja mengenai projek ini dijangka siap menjelang bulan Februari 1985.

## **Hidro**

### **Projek Hidro-Elektrik Kenyir (400 MW)**

Pembinaan projek hidro-elektrik Kenyir telah mencapai peringkat akhir dengan penyiapan empangan utama dan kerja-kerja awam yang lain. Penakungan kolamair bermula dalam bulan Oktober 1983 dan pemasangan alat-alat elektrik dan jentera berjalan mengikut jadual.

### **Projek-projek Hidro-Elektrik Bersia (72 MW) dan Kenering (120 MW)**

Ketiga-tiga unit penjanaan di Kenering

---



(3 x 40 MW) telah dikendalikan secara perdagangan masing-masing dalam bulan Oktober dan Disember 1983 dan Februari 1984. Kedua-dua stesen hidro-elektrik Bersia dan Kenering telah dikendalikan secara kawalan jauh dari pusat penyeliaan Temengor masing-masing dalam bulan April dan Julai 1984.

### Projek-projek Hidro-Elektrik Masa Depan

Kajian-kajian kemungkinan bagi projek-projek hidro-elektrik Tekai, Hulu Terengganu dan Sungai Piah telah siap masing-masing dalam bulan September, November dan Disember 1983. Penyiasatan selanjutnya dan kajian mengenai rekabentuk bagi projek Sungai Piah juga telah dijalankan dalam tempoh yang dikaji ini.

### Projek-projek Sistem Penghantaran

Talian penghantaran 275 kV dari Kampung Awah ke Paka dan seterusnya ke Kenyir hampir siap. Talian penghantaran 275 kV Kenyir-Tanah Merah dijadualkan siap pada awal tahun 1986, dan ini akan merupakan lingkaran rangkaian 275 kV yang menghubungkan beberapa stesen janaelektrik utama di pantai-pantai timur dan barat Semenanjung Malaysia. Rangkaian penghantaran 275 kV sedang dilanjutkan ke utara dari Bukit Tengah ke Kota Setar dan dari Kota Setar ke Chuping di Perlis,

dan talian-talian ini dijadualkan siap pada pertengahan tahun 1985. Empat litar talian 275 kV juga sedang dibina dari Stesen Janaelektrik Pelabuhan Klang ke pencawang Kuala Lumpur (Utara), dan dijadualkan siap menjelang pertengahan tahun 1985.

Talian-talian penghantaran 132 kV juga sedang dibina di semua negeri Semenanjung Malaysia. Beberapa buah pencawang utama 275 kV dan 132 kV berkaitan dengan talian-talian penghantaran itu juga sedang dibina.


Penanaman 27km kabel dasar laut 132 kV yang menghubungkan Pulau Langkawi dengan tanah besar Semenanjung hampir siap.



▲ Stesen janaelektrik hidro Kenyir (400 MW)

◀ Projek Paka (900 MW) di Terengganu

▼ Kerja-kerja pembinaan di projek Stesen Janaelektrik Paka.





# Kendalian

## Kendalian Penjanaaan Kuasa.

Kendali maksimum ke atas Grid Nasional bertambah sebanyak 13.7% mencapai 1 916.5 MW dalam bulan Ogos 1984. Jumlah keupayaan penjanaaan terpasang stesen-stesen janaelektrik yang disambung kepada Grid Nasional ialah 2 642 MW. Jumlah unit yang dijana oleh stesen-stesen janaelektrik stim ialah 8 005.89 GWj (71.54%), stesen-stesen hidro 2 557.89 GWj (22.96%), Tarbin-tarbin gas 357.21 GWj (3.19%) manakala stesen-stesen diesel telah menjana 269.84 GWj (2.41%). Jumlah perbelanjaan bahanapi bagi penjanaaan kuasa ialah \$977.94 juta.

## Kendalian Sistem

Tambahan-tambahan utama kepada sistem kuasa meliputi Stesen Janaelektrik Hidro Kenering 120 MW dan tarbin gas 90 MW (unit satu) di Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught. Turut dilancarkan ialah 2 talian 132 kV Tanah Merah ke Kota Baru dan pencawang dalam bulan Oktober 1983 dan 1 talian 132 kV Raub-Benta-Kuala Lipis dalam bulan Mac 1984.

Berbanding dengan tahun yang dahulu, tahun kewangan 1983/1984 adalah bebas dari

sebarang gangguan sistem yang besar. Pada keseluruhannya, sistem ini berjalan dengan memuaskan dalam tempoh yang dikaji ini.

Untuk menghadapi kenaikan keupayaan penjanaaan langkah-langkah telah diambil untuk mendapatkan satu program komputer "pengekoran pengeluaran". Adalah diramalkan bahawa program ini akan dapat membantu usaha mencapai penjimatan bahanapi sebanyak 3% atau lebih setahun di masa akan datang.

## Perlindungan dan Pembawa Talian Kuasa

Aktiviti utama dalam tahun ini adalah tertumpu kepada kerja-kerja pelancaran perlindungan di pencawang masuk utama Damansara Heights, lambahan Tarbin Gas di Jambatan Connaught, serta juga projek-projek Stesen Janaelektrik Paka, Kenyir, Kenering dan Pelabuhan Klang.

Bahagian Pembawa Talian Kuasa telah menjalankan pemasangan dan pelancaran alat 'inter-trip' di kawasan Temengor Bersia/Bukit Tengah/Papan/Kenering serta juga beberapa kawasan di Timur dan Selatan Semenanjung Malaysia.

## Pengagihan

Jumlah pengguna yang diberi bekalan setakat 31 Ogos 1984 ialah 1 831 958, iaitu tambahan sebanyak 137 010 atau 8.08% daripada tahun yang terdahulu. Jumlah unit yang dijual berjumlah 9 063.07 GWj yang mendatangkan hasil sebanyak \$2 024.7 juta. Ini ialah tambahan sebanyak 9.06% dan 8.98% masing-masing dari segi unit dan nilai daripada tahun 1982/1983.

Dari segi kawasan, Kawasan Utara (termasuk Kawasan Perak) telah mencatat jumlah unit dijual yang paling tinggi (2 393.57 GWj), diikuti oleh Selangor (2 125.14 GWj) dan Wilayah Persekutuan (2 105.01 GWj). Bagaimanapun, dari segi hasil jumlah yang paling tinggi diperolehi ialah di Kawasan Utara



Apabila ianya siap dibina Projek Kenyir akan menambahkan keupayaan penjanaaan Lembaga sebanyak 400 MW.



(\$524.58 juta), Wilayah Persekutuan (\$490.48 juta) dan Selangor (\$459.31 juta).

Dengan perkembangan yang pesat di dalam rangkaian pengagihan, usaha-usaha telah dijalankan ke arah peningkatan bekalan yang tetap dan terjamin. Khusus untuk tujuan ini Projek Lembah Kedah Tengah berharga \$20 juta yang mengandungi 190km talian 33 kV dan tujuh buah pencawang masuk utama 33/11 kV sedang dilaksanakan dengan giatnya.


### Pengurusan Bahan-Bahan

Dalam tahun ini barang-barang dan perkhidmatan yang dibeli berjumlah \$1 435.23 juta. Dari jumlah ini, \$1 339.38 juta (93.3%) telah dikeluarkan secara kontrak kepada pembekal-pembekal dan kontraktor-kontraktor tempatan.

Pengeluaran barang-barang simpanan di Stor Pusat, termasuk pergerakan barang-barang ke stor-stor daerah ialah \$185.49 juta.

### Jangka dan Pengujian

Sejumlah 728 pemasangan Jangka Besar dan 250 pemeriksaan ujian dan penyenggaraan telah dijalankan dalam tahun ini.





Jangka-jangka baru yang diuji untuk mengawal mutunya berjumlah 139 055 fasa-satu dan 18 100 fasa-banyak.

### Prestasi Mengikut Kawasan

| Kawasan                      | Bilangan Pengguna 1982/83 | Bilangan Pengguna 1983/84 | Peratus Tambahan Bilangan Pengguna | Unit Dijual 1982/83 (Juta KWj) | Unit Dijual 1983/84 (Juta KWj) | Peratus Tambahan Unit Dijual | Hasil 1982/83 (Juta Ringgit) | Hasil 1983/84 (Juta Ringgit) | Peratus Tambahan Hasil |
|------------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|------------------------------|------------------------------|------------------------------|------------------------|
| Kawasan Timor                | 318 415                   | 356 532                   | 11.97                              | 552.96                         | 621.53                         | 12.40                        | 130.55                       | 146.56                       | 12.26                  |
| Kawasan Selatan              | 425 232                   | 459 344                   | 8.02                               | 1 669.28                       | 1 817.82                       | 8.90                         | 371.31                       | 403.80                       | 8.75                   |
| Kawasan Selangor             | 214 219                   | 228 564                   | 6.70                               | 1 890.29                       | 2 125.14                       | 12.42                        | 409.72                       | 459.31                       | 12.10                  |
| Wilayah Persekutuan          | 242 977                   | 267 738                   | 10.19                              | 1 971.74                       | 2 105.01                       | 6.76                         | 458.02                       | 490.48                       | 7.09                   |
| Kawasan Utara termasuk Perak | 494 105                   | 519 780                   | 5.20                               | 2 225.96                       | 2 393.57                       | 7.53                         | 488.23                       | 524.58                       | 7.44                   |
| Jumlah                       | 1 694 948                 | 1 831 958                 | 8.08                               | 8 310.23                       | 9 063.07                       | 9.06                         | 1 857.83                     | 2 024.73                     | 8.98                   |





**A** Stesen Janaelektrik Glugor (40MW + 20MW Tarbin Gas)

**D** Stesen Janaelektrik Sultan Ismail (120MW + 20MW Tarbin Gas)



**B** Stesen Janaelektrik Temengor (348 MW)

**E** Stesen Janaelektrik Sultan Iskandar (240MW)

**C** Stesen Janaelektrik Perai (450MW)

**F** Stesen Janaelektrik Bersia (72MW)





- G** Stesen Janaelektrik Kenering (120MW)  
**H** Stesen Janaelektrik Tuanku Ja'afar (600MW + 20MW Tarbin Gas)  
**I** Stesen Janaelektrik Sultan Yussuf (100MW)  
**J** Stesen Janaelektrik Sultan Idris II (150MW)  
**K** Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught (80MW + 180MW Tarbin Gas)  
**L** Stesen Janaelektrik Melaka (30MW)



# Pentadbiran

## Kakitangan

Setakat 31 Ogos 1984 jumlah kakitangan yang sedang berkhidmat ialah seramai 23 182 orang. Daripada angka ini 1 048 orang telah diambil berkhidmat dalam tahun yang dikaji. "Turnover" kakitangan termasuk yang bersara bagi tempoh ini ialah seramai 575. Bilangan kakitangan yang diletakkan ke dalam perjawatan berpencen setakat akhir tahun kewangan ialah 9 707 orang.

Sebagai menghargai perkhidmatan yang setia dan berdedikasi yang diberikan oleh pekerja-pekerja upacara-upacara penyampaian hadiah perkhidmatan lama telah diadakan dalam bulan Januari dan Ogos 1984. Dalam upacara-upacara ini, hadiah telah disampaikan kepada seramai 827 orang pekerja yang telah berkhidmat selama dua puluh lima, tiga puluh dan tiga puluh lima tahun.

Lembaga mengalami suasana perhubungan perusahaan yang stabil oleh kerana adanya persefahaman yang tetap dengan Kesatuan-Kesatuan.

## Perkhidmatan dan Pembangunan Pengurusan

Untuk memperbaiki pengurusan bahan-

bahan di dalam LLN, nasihat kepakaran telah diperolehi untuk mengkomputerkan tugas ini. Pemodenan dan pembaikan peraturan-peraturan pengurusan dan amalan-amalan telah dijalankan dengan giatnya. Kajian-kajian telah dijalankan mengenai peruntukan bekalan elektrik di dalam tempoh 24 jam, pembangunan tenaga pekerja, penguatkuasaan sistem maklumat pengurusan yang berkesan, dan penggunaan yang lebih baik tenaga pekerja di dalam pertubuhan. Dalam lapangan kejuruteraan perusahaan, pendekatan kajian bekerja telah dilanjutkan kepada aktiviti penyambungan kabel dan pembinaan pencawang. Satu pencapaian penting dalam tahun ini ialah keputusan untuk melaksanakan kumpulan-kumpulan kawalan mutu di beberapa jabatan yang dipilih dengan pembaikan daya pengeluaran sebagai matlamat keseluruhannya.

## Pelajaran dan Latihan

Sebanyak \$18 654 000 telah dibelanjakan untuk pembangunan dan latihan kakitangan termasuk kos biasiswa. Dengan adanya biasiswa sebahagian besar daripada tenaga pekerja profesional terutamanya dalam bidang kejuruteraan, akaun dan sains komputer dapat diperolehi. Di akhir tahun yang dikaji seramai 664 orang pemegang biasiswa menjalani kursus di universiti, maktab dan politeknik luar negeri (385 orang) dan di dalam negeri (279 orang). Latihan melalui kursus dan seminar, di dalam dan di luar terus merupakan komponen yang penting di dalam pembangunan kakitangan di semua peringkat.

Di Pusat Latihan Sultan Ahmad Shah, 148 kursus teknikal yang dihadiri oleh 2 296 telah dijalankan. Begitu juga 26 kursus pengurusan untuk 406 orang telah dijalankan dengan jayanya. Selain dari itu, berbagai seminar dan woksyp mengenai beberapa bidang dan isu telah diadakan di dalam tahun ini.






Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Y.B. Datuk Leo Moggie menyampaikan sijil perkhidmatan setia kepada salah satu kakitangan Lembaga.



## Setiausaha

Sebagaimana di dalam tahun-tahun yang tedahulu Lembaga telah mengadakan dua daripada sepuluh mesyuaratnya di luar Ibu Kota. Kedua-dua mesyuarat telah diadakan di Kuala Terengganu dan tempat ini telah memberi peluang kepada Ahli-ahli Lembaga menilai kemajuan kerja-kerja pembinaan di bawah projek-projek stesen janaelektrik Kenyir dan Paka.

Tiga perubahan penting di dalam keanggotaan Lembaga telah berlaku dalam tahun ini. Pertama ialah perlantikan YB Mohamed bin Jamrah dan YBM Engku Bijaya Sura Syed Omar bin Mohamed sebagai Ahli-Ahli Lembaga. Kedua ialah Encik Mohd. Jalaluddin bin Zainuddin, Pengurus Besar telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi pada 26 Januari 1984 menggantikan Tan Sri Dato Abu Zarim bin Haji Omar yang bersara dari perkhidmatan



## Jualan Tenaga Elektrik Mengikut Kategori Pengguna

| Jenis Pengguna                  | Bilangan Pengguna 1982/83 | Bilangan Pengguna 1983/84 | Peratus Tambahan Bilangan Pengguna | Unit Dijual 1982/83 (Juta KWj) | Unit Dijual 1983/84 (Juta KWj) | Peratus Tambahan Unit Dijual | Hasil 1982/83 (Juta Ringgit) | Hasil 1983/84 (Juta Ringgit) | Peratus Tambahan Hasil |
|---------------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|------------------------------|------------------------------|------------------------------|------------------------|
| Kediaman                        | 1 451 490                 | 1 572 121                 | 8.31                               | 1 721.57                       | 1 897.24                       | 10.20                        | 369.30                       | 406.21                       | 9.99                   |
| Perdagangan                     | 237 850                   | 254 038                   | 6.80                               | 2 819.86                       | 3 094.91                       | 9.75                         | 702.39                       | 770.49                       | 9.69                   |
| Perindustrian                   | 3 027                     | 3 102                     | 2.48                               | 3 474.25                       | 3 797.24                       | 9.30                         | 720.49                       | 785.69                       | 9.05                   |
| Perlombongan                    | 83                        | 55                        | 33.73(-)                           | 212.39                         | 183.23                         | 13.73(-)                     | 41.71                        | 35.84                        | 14.07(-)               |
| Lampu Awam dan Lampu Jalan Raya | 2 498                     | 2 642                     | 5.76                               | 82.16                          | 90.45                          | 10.09                        | 23.94                        | 26.50                        | 10.69                  |
| Jumlah                          | 1 694 948                 | 1 831 958                 | 8.08                               | 8 310.23                       | 9 063.07                       | 9.06                         | 1 857.83                     | 2 024.73                     | 8.98                   |

Kurangan ( - )



Lembaga. Akhir sekali, Tan Sri Hashim bin Aman telah menamatkan tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi Lembaga pada 31 Ogos 1984.

Perkembangan Grid Nasional yang terus menerus telah menyebabkan notis-notis izin lalu terpaksa diberi untuk kira-kira 418 km talian penghantaran. Tujuh ratus enam belas permohonan tanah telah dibuat dengan tujuan hendak membina stesen janaelektrik, stesen penyuisan dan pencawang-pencawang, bangunan-bangunan pejabat dan rumah-rumah kakitangan di seluruh negara yang daripadanya 416 permohonan telah pun diluluskan. Tindakan undang-undang berkaitan dengan kecurian elektrik telah diambil terhadap 27 pengguna. Bagaimanapun, hanya tujuh pengguna telah didapati bersalah oleh mahkamah dan denda yang dikenakan berjumlah \$7 700.

*Cogankata 'Elektrik Membina Hidup Sempurna' melambangkan peranan Lembaga dalam pembangunan negara.*

### **Perdagangan dan Perhubungan Awam**


Jualan elektrik kepada pengguna-pengguna perusahaan (3 797.24 GWj) ialah yang paling tinggi di kalangan berbagai kategori pengguna. Ini diikuti oleh pengguna-pengguna perdagangan yang jumlah penggunaannya ialah 3 094.91 GWj. Jumlah unit yang dijual dalam tahun yang dikaji berjumlah 9 063.07 GWj, iaitu tambahan sebanyak 752.85 GWj atau 9.06% lebih daripada tahun yang terdahulu.

Aktiviti perhubungan awam adalah bertujuan hendak menambah kesedaran media akan peranan yang dimainkan oleh Lembaga di dalam semua bidang tugas pembekalan tenaga elektrik. Perhubungan terus dengan pengguna telah digalakkan dengan giatnya dengan pengeluaran naskah-naskah seranta serta juga buku-buku kecil yang memberi maklumat dan poster-poster. Perhubungan Lembaga/Pekerja juga dipupuk dengan menambahkan pengeluaran majalah edaran dalam Tenagawan yang kini diterbitkan atas asas bulanan.





# Organisasi Lembaga





# Bekalan Elektrik Luar Bandar



Dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 1984, 394 projek yang memberi faedah kepada 786 buah kampung dan memberi bekalan elektrik kepada 50 290 orang pengguna telah terlaksana. Kebanyakan daripada kampung-kampung yang telah mendapat faedah itu ialah di Kedah (267), diikuti oleh Perak (135), Kelantan (131), Johor (83) dan Terengganu (72) dan bilangan kampung yang mendapat bekalan di tiap-tiap sebuah negeri yang lainnya itu bolehlah dikatakan sama banyaknya. Daripada 394 buah projek tersebut di atas, sejumlah 161 projek telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak (126), Kelantan (24), Terengganu (9) dan Kedah (2).

Dari sejumlah 22 buah projek mini hidro yang dikenalpasti untuk pelaksanaan, 5 buah projek daripadanya sudah siap. Lapan puluh dua projek yang sedang dikendalikan oleh perunding antarabangsa akan dilaksanakan dari tahun 1984 hingga 1987.

Sebuah rancangan elektrik tenaga suria secara percubaan untuk 70 buah rumah telah berjaya diperkenalkan dalam bulan Disember 1983 di Kampung Tembeling, Pahang. Sebuah projek bekalan elektrik tenaga suria sedang di-

jalankan untuk membekalkan elektrik kepada 53 buah di Pulau Sibul, Johor. Projek ini dijadualkan siap dalam bulan Februari 1985.

Dua buah rancangan percubaan melibatkan penggunaan sekam padi untuk menjana kuasa telah berjaya dilancarkan di Jerlun dan Teluk Kuchai di Kedah. Rancangan di Jerlun telah dilancarkan dalam bulan Ogos 1983 dan yang di Teluk Kuchai dalam bulan Disember 1983. Setiap pemasangan akan dapat membakar 1.3 tan sekam padi sejam dan selain daripada menjana 350 kW tenaga elektrik ia akan juga mengadakan sebanyak 900 000 kkal/jam haba yang diproses untuk mengeringkan padi.





# Jawatankuasa Nasional Malaysia/ Persidangan Tenaga Sedunia

---

Kemuncak aktiviti Jawatankuasa Nasional Malaysia (MNC) Persidangan Tenaga Sedunia dalam tempoh yang dikaji ialah Kongres WEC Keduabelas, yang diadakan di New Delhi, India dari 18 — 23 September 1983. Seorang ahli perwakilan Malaysia telah mengemukakan satu kertas kerja bertajuk 'Pembangunan Sistem Penjanaan Hidro-elektrik Kecil di Semenanjung Malaysia'.

Dalam bulan Februari 1984, satu ceramah telah dianjurkan mengenai "Kongress Ke-12 dan Pertaliannya dengan Malaysia". Empat kertas kerja bertajuk "Ringkasan Am Kongres", "Punca-punca Tenaga Yang Boleh Diguna Semula", "Perimbangan Tenaga Sedunia" dan "Pemeliharaan Tenaga" telah dibentangkan.

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 JNM telah diadakan pada 26 Mei 1984 di Kompleks Sukan LLN. Satu kertas telah dikemukakan oleh Motor Columbus Consulting Engineers mengenai "Kajian Perancangan Tenaga Kebangsaan", dan satu lawatan ke tapak bina Stesen Janaelektrik Pelabuhan Klang telah juga diatur.

Pada 30 Ogos 1984 satu ceramah telah diberi oleh Dr. Codoni dari Pusat Pembangunan Asia dan Pasifik kepada 24 orang peserta mengenai "Panduan Mengenai Teknik Perancangan dan Pengurusan."



# Peristiwa-Peristiwa Menarik Pada Tahun Ini


| <b>PENJANAAN</b>                                              | <b>1982/1983</b> | <b>1983/1984</b> |
|---------------------------------------------------------------|------------------|------------------|
| Jumlah Keupayaan terpasang (MW)                               | 2 492.68         | 2 822.49         |
| Stim                                                          | 1 560.00         | 1 560.00         |
| Hidro                                                         | 685.42           | 805.42           |
| Mini hidro                                                    | 0.93             | 1.03             |
| Diesel                                                        | 137.79           | 186.36           |
| Tarbin gas                                                    | 100.00           | 260.00           |
| Luar bandar (diesel)                                          | 8.54             | 9.68             |
| Jumlah unit dijana dan dibeli (Gwj)                           | 10 295.46        | 11 259.53        |
| <b>PENGHANTARAN</b>                                           |                  |                  |
| Talian Penghantaran T/A dan T/B (km)                          |                  |                  |
| 275 kV                                                        | 813.17           | 813.17           |
| 132 kV                                                        | 2 176.30         | 2 342.67         |
| 66 kV                                                         | 618.11           | 618.11           |
| Keupayaan alatubah pencawang (MVA)                            |                  |                  |
| 275 kV                                                        | 3 380.00         | 3 380.00         |
| 132 kV                                                        | 4 385.50         | 4 843.00         |
| 66 kV                                                         | 701.83           | 805.83           |
| <b>JUALAN ELEKTRIK</b>                                        |                  |                  |
| Jumlah unit dijual (GWj)                                      | 8 310.23         | 9 063.07         |
| Hasil jualan (juta ringgit)                                   | 1 857.83         | 2 024.73         |
| <b>PENGGUNA</b>                                               | <b>1 694 948</b> | <b>1 831 958</b> |
| <b>KAKITANGAN</b>                                             | <b>22 602</b>    | <b>23 182</b>    |
